EKUITI ISLAM

Apa itu ETBS?

Bon Dan Sukuk Dagangan Bursa

APA ITU ETBS?

- Sekuriti pendapatan tetap, juga dikenali sebagai bon atau Sukuk*
- Disenaraikan dan didagangkan di pasaran saham
- Diterbitkan sama ada oleh syarikat atau kerajaan (penerbit) bagi tujuan untuk meningkatkan modal
- Struktur yang berbeza-beza seperti kadar tetap, kadar terapung dan hybrid

*Nota: Sukuk merujuk kepada isu-isu yang mematuhi prinsip Shariah

APAKAH UNIT PELABURAN MINIMUM?

ETBS didagangkan dalam saiz lot dagangan minimum sebanyak 10 unit. Berdasarkan harga pokok sebanyak RM100 seunit, maka setiap lot papan berharga RM1,000 tidak termasuk kos transaksi.

MENGAPA MELABUR DALAM ETBS?

DAGANGAN YANG FLEKSIBEL & MUDAH
Membeli dan menjual ETBS adalah semudah melakukan dagangan dalam saham di Bursa Malaysia.

KETELUSAN
Pelabur boleh mengakses harga dan volum secara masa nyata disebabkan ETBS disenaraikan di bursa. Pelabur boleh terus memantau dan menerima maklumat terkini tentang pelaburan mereka.

PEMPELBAGAIAN
Pelabur boleh mempelbagaikan portfolio mereka untuk memasukkan ETBS bagi melengkapkan pelaburan mereka dalam kelas aset lain seperti ekuiti, derivatif, unit amanah dll.

ALIRAN PENDAPATAN TAMBAHAN
Pelabur boleh mendapat manfaat daripada aliran pendapatan yang stabil melalui pembayaran kupon / dividen secara berkala.

TERMINOLOGI PENTING

PENERBIT
Syarikat atau organisasi kerajaan yang menerbitkan bon dan/ atau Sukuk kepada pelabur untuk mengumpulkan modal bagi tujuan operasi, pengembangan perniagaan atau keperluan-keperluan lain.

KUPON/DIVIDEN
Jumlah faedah yang akan diterima oleh pemegang ETBS melebihi jumlah pokok. Secara amnya dinyatakan sebagai peratusan daripada nilai pokok.

KEKERAPAN KUPON
Kekerapan pembayaran kupon/dividen kepada pemegang ETBS.

PENJAMIN
Pihak kerajaan, komersial atau syarikat induk yang akan bertindak sebagai penjamin bagi penerbit ETBS sekiranya berlaku kegagalan..

PEMEGANG AMANAH
Organisasi kewangan yang mempunyai kuasa fidusiari untuk memastikan bahawa kewajipan kontrak bon antara penerbit ETBS dan pemegang ETBS dipenuhi. Mereka bertindak demi kepentingan pemegang ETBS.

PEMEGANG ETBS
Pemilik bon dan/atau Sukuk.

NILAI MUKA
Biasanya, ini adalah nilai yang dikembalikan kepada pemegang ETBS setelah matang. Ia juga dikenali sebagai nilai nominal, nilai par, nilai penebusan atau nilai kematangan bon dan/atau Sukuk.

TARIKH MATANG
Tarikh apabila penerbit ETBS membayar jumlah pokok kepada pemegangnya. Juga dikenali sebagai tarikh penebusan.

APAKAH RISIKONYA?

Risiko Kredit
Risiko ini timbul sekiranya penerbit ETBS tidak dapat membuat pembayaran kupon/dividen pada tarikh kupon/dividen atau jumlah pokok kepada pemberi pinjaman pada tarikh matang. Oleh kerana bon Kerajaan dan Sukuk disokong oleh kerajaan pusat, maka ia dianggap mempunyai risiko kredit yang rendah.

Risiko Pasaran
Ini adalah risiko penurunan dan kenaikan harga dan dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran di pasaran.

Risiko Kaedah Faedah
Penilaian ETBS mungkin dipengaruhi oleh perubahan kadar faedah. Sebagai contoh, sekiranya kadar faedah meningkat, harga ETBS akan menurun disebabkan para pelabur boleh menukar pelaburan mereka untuk mendapatkan kenaikan kadar faedah yang terdapat pada instrumen lain, misalnya, dalam simpanan bank.

MEMBELI & MENJUAL ETBS

Membeli ETBS
- Pasaran Utama: Secara langganan, sama seperti memohon IPO
- Pasaran Kedua: Melalui broker anda, sama seperti membeli saham

Menjual ETBS
- Sama seperti menjual saham melalui broker anda
- Sekiranya dipegang sehingga tarikh matang, pelabur akan mendapat kembali nilai nominal bon dan/atau Sukuk pada tarikh matang serta faedah yang perlu dibayar

Perolehan daripada ETBS
- Mendapat faedah atau dividen
- Keuntungan modal - bergantung pada keadaan pasaran

Bagi pelabur baharu, sila kunjungi mana-mana Organisasi yang Mengambil Bahagian (PO) yang berdaftar dengan Bursa Malaysia Securities untuk membuka akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) dan akaun dagangan sekuriti.

PEMBANGUNAN PRODUK INI MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN PRINSIP SYARIAH. IANYA DISELIA OLEH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH SURUHANJAYA SEKURITI YANG MELAKUKAN AUDIT DAN SEMAKAN PEMATUHAN SYARIAH DARI SEMASA KE SEMASA. SEMUA PELABURAN HENDAKLAH MEMATUHI PANDUAN PELABURAN YANG DIKELUARKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DAN SURUHANJAYA SEKURITI.

BURSA ACADEMY
EMPOWERING YOU